

# Gangguan Seksual: Kepentingan Kesedaran Mengenai Gangguan Seksual dalam Kalangan Pelajar

**Shahidah Hamzah<sup>1,2</sup>, Daeyrell Walsh<sup>3</sup>**

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Umum dan Ko Kurikulum,  
Universiti Tun Hussein Onn, Pagoh, 84600, MALAYSIA

<sup>2</sup>Institut Transformasi dan Pembangunan Wilayah (TRANSFORM),  
Universiti Tun Hussein Onn, Pagoh, 84600, MALAYSIA

<sup>3</sup>Fakulti Teknologi Kejuruteraan,  
Universiti Tun Hussein Onn, Pagoh, 84600, MALAYSIA

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2023.04.01.020>

Received 7 April 2023; Accepted 25 May 2023; Available online 30 Jun 2023

**Abstrak:** Gangguan seksual merupakan perlakuan berbaur seks yang dilakukan terhadap individu lain sama ada berbentuk lisan, gurauan, bahasa, kritikan-kritikan fizikal atau emosi. Gangguan seksual ini boleh menyebabkan keharmonian diri mangsa tergugat dan meletakkan mangsa dalam keadaan yang tidak selesa ataupun takut. Kes gangguan seksual semakin berleluasa kerana telah menembusi sekolah dan pusat pengajian tinggi yang selama ini dianggap pusat untuk menimba ilmu. Hal ini sangat merisaukan semua pihak terutamanya ibu bapa kerana anak diibaratkan harta karun yang bakal membawa kemajuan untuk keluarga. Metodoloji kajian menggunakan kaedah pembacaan melalui journal, buku dan artikel. Objektif kajian adalah untuk meneroka sejauh mana kesedaran mengenai gangguan seksual dapat membantu pelajar. Selain itu, pelajar juga bakal didedah dengan bentuk-bentuk gangguan seksual, Tindakan-tindakan yang boleh dilakukan oleh pelajar terhadap gangguan seksual dan kesan-kesan negative gangguan seksual yang bakal menimpak pelajar. Kajian ini diharapkan dapat membantu pelajar untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa gangguan seksual. Secara tidak langsung, kajian ini juga dapat mengurangkan kes gangguan seksual dalam kalangan pelajar.

**Kata kunci:** Gangguan seksual, Kepentingan, Kesedaran, Pelajar

**Abstract:** Sexual harassment is a form of sexually-based behavior directed towards another individual, whether it takes the form of verbal comments, jokes, language, physical or emotional criticism. This type of sexual harassment can disrupt the victim's sense of harmony and leave them feeling uncomfortable or fearful. Incidents of sexual harassment are increasingly prevalent, even infiltrating educational institutions such as schools and universities, which are traditionally regarded as centers for knowledge acquisition. This is a cause for concern for all parties involved,

especially parents, as their children are seen as treasures who hold the potential for family progress. The methodology employed in this study involves reading journals, books, and articles. The research objective is to explore the extent to which awareness of sexual harassment can assist students. Additionally, students will be exposed to different forms of sexual harassment, actions they can take against sexual harassment, and the potential negative effects that can befall them. The study aims to help students avoid becoming victims of sexual harassment, thereby indirectly reducing incidents of sexual harassment among students.

**Keywords:** Sexual harassment, Importance, Awareness, Students

## 1. Pendahuluan

Menurut kamus Dewan (2002:1524), istilah pelajar bermaksud orang yang belajar atau orang yang mengaji dan juga bermaksud orang yang menyelidiki ilmu. Pelajar dibahagikan kepada beberapa kategori sama ada di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, institusi pengajian tinggi awam dan swasta dan juga kolej-kolej kemahiran. Walau bagaimanapun, kes gangguan seksual yang melibatkan mangsa dalam kalangan pelajar sekolah semakin menjadi-jadi dan mereka masih belum cukup dewasa untuk membuat pertimbangan bagi mengelakkan tragedi yang tidak diingini ini daripada terus berlaku. Pelajar masih lagi belum dapat berfikir secara rasional untuk mengelakkan diri daripada gangguan seksual dan mereka juga malu dengan orang sekeliling dan buntu untuk mendapat pertolongan apabila menjadi mangsa gangguan seksual. Bukan itu sahaja, segelintir pelajar juga berhasrat untuk memendam segala keperitan yang diharungi sehingga menyebabkan kemurungan dan akhirnya berniat untuk membunuh diri.

Menurut Zakaria et al. (2001), tiada definisi yang tepat untuk istilah gangguan seksual [17], namun begitu secara umumnya ia boleh digambarkan sebagai perilaku berbentuk seksual oleh seorang individu yang mempunyai kuasa jawatan atau kuasa peribadi kepada individu lain di bawah kekuasaannya. Gangguan seksual terdiri daripada tingkah laku yang menyinggung perasaan, bersikap kasar, merendahkan, memalukan, mengugut yang dilakukan kepada individu atau sekumpulan orang. Gangguan seksual merujuk kepada kelakuan seksual yang dikenakan ke atas mangsa, dan mangsa berdiam diri dan tidak membala perbuatan pelaku. Biasanya, pelaku gangguan seksual dalam kalangan pelajar merupakan guru, pensyarah, staf dan pelajar sendiri.

Kes gangguan seksual dalam kalangan pelajar bukan lagi isu yang baru di Malaysia. Terdapat pelbagai kes gangguan seksual yang dilaporkan dan kes-kes ini memberikan impak negatif kepada pelajar. Mengikut kepada statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), dalam tahun 2014 hingga 2016, sebanyak 7862 kes di siasat berkait dengan gangguan seksual terhadap pelajar berumur bawah 18 tahun Tingkah laku gangguan seksual terhadap pelajar ini boleh menyebabkan sikap antisosial dan rasa kecewa dalam kalangan kanak-kanak [18]. Di samping itu, perubahan tingkah laku seperti kemurungan dan gangguan emosi juga boleh berlaku ke atas seseorang kanak-kanak yang berhadapan dengan isu gangguan seksual. Perkara seperti ini boleh menjadi sejarah hitam di dalam diri seseorang pelajar dan membuat mereka berasa trauma dan mereka akan mudah berasa takut dan serik untuk berdepan dengan orang lain yang lebih dewasa.

## **2. Bentuk-bentuk Gangguan Seksual**

Pelajar harus didedahkan dengan bentuk-bentuk gangguan seksual kerana segelintir pelajar mungkin tidak sedar bahawa mereka telah mengalami gangguan seksual. Justeru, pelaku akan mengambil kesempatan untuk melakukan gangguan seksual ke atas mangsa secara berterusan sehingga mangsa mula mengambil tindakan tertentu. Oleh hal yang demikian, pelajar haruslah mengetahui bentuk-bentuk gangguan seksual yang mungkin mereka hadapi dalam kehidupan seharian. Antara bentuk-bentuk gangguan seksual:

### **2.1 Gangguan lisan**

Gangguan lisan melibatkan penggunaan bahasa lucu melalui perbualan, bercerita, berjenaka. Selain itu, gangguan seksual ini juga ditakrifkan sebagai sebarang gangguan yang melibatkan perkataan yang menyakitkan hati atau menghina yang ditujukan kepada seseorang berdasarkan jantinanya. Sebagai contoh, pelaku akan memberi kritikan, komen, pujian atau mengajukan soalan secara seksual ke atas penampilan, pakaian, tingkah laku, tubuh badan atau aktiviti seksual. Gangguan lisan juga melibatkan panggilan yang berunsurkan seksual dan kurang menyenangkan. Contoh ketara yang boleh kita ambil merupakan pelaku akan menggunakan panggilan seperti ‘babe’ dan ‘seksi’ kepada mangsa. Gangguan lisan juga termasuk dengan bunyi yang bersifat seksual dan kurang menyenangkan seperti bersiul dan bunyi ciuman.

### **2.2 Gangguan bukan lisan**

Gangguan bukan lisan atau dikenali sebagai gangguan secara isyarat yang melibatkan perbuatan atau tingkah laku yang membawa erti atau gambaran keinginan yang berunsurkan seksual. Sebagai contoh, pelaku akan menjeling, merenung atau memandang dengan tidak sopan yang berfokus kepada bahagian tubuh badan dan menyebabkan mangsa berasa tidak selesa. Kemudian, pelaku akan memberi isyarat kepada rakan-rakannya untuk memandang ke arah yang sama. Selain itu, pelaku juga akan mengintai dan memerhatikan tingkah laku mangsa. Bukan itu sahaja, pelaku akan makan dengan cara yang berunsur seksual di depan mangsa dan melibatkan aksi yang tidak senonoh seperti menjilat bibir secara sengaja untuk bertujuan menggoda mangsa.

### **2.3 Gangguan secara fizikal**

Gangguan secara fizikal terjadi apabila pelaku melakukan sentuhan yang tidak diingini oleh mangsa. Seterusnya, pelaku akan melakukan sentuhan terhadap mangsa dengan jarak yang sangat dekat sehingga menyebabkan mangsa berasa tidak selesa. Contohnya, pelaku ingin memegang, memeluk, menepuk badan mangsa, mengesel-geselkan badan individu terbabit ke badan mangsa, memeluk serta mencium dan melakukan perbuatan ekstrem dengan meraba-raba mangsa.

### **2.4 Gangguan Psikologi**

Gangguan psikologi membawa maksud dimana pelaku bermain dengan mental atau pemikiran mangsa sehingga menyebabkan mangsa bertekad untuk bersetuju dengan pelaku. Misalnya, pelaku sering kali menjemput mangsa untuk keluar bersama-sama meskipun jemputannya tidak diterima secara berterusan. Namun begitu, pelaku masih merayu mangsa secara berterusan untuk keluar bersama sehingga mangsa bersetuju untuk keluar dengan mangsa. Selain itu, pelaku juga memaksa mangsa untuk melakukan perbuatan yang tidak sepatutnya semasa mereka keluar seperti mengajak untuk bercumbu. Selain itu, pelaku juga mula berkomunikasi tanpa henti melalui e-mel, surat, telefon atau sebarang bentuk peralatan dan cara komunikasi meskipun sudah disuruh berhenti oleh mangsa.

## **2.5 Gangguan Visual**

Gangguan visual ditakrifkan sebagai gangguan yang berbentuk gambaran ataupun illustrasi. Gangguan visual merangkumi pertunjukkan bahan-bahan lucah, lukisan gambar yang tidak senonoh dan berunsurkan seksual. Disamping itu, gangguan visual juga terjadi apabila seseorang individu menayangkan bahagian badan yang sulit dan tidak sepatutnya didedahkan kepada orang lain. Gangguan ini juga boleh berlaku dengan penghantar video yang menayangkan aksi-aksi yang ekstrem kepada mangsa atau meminta mangsa untuk menghantar video yang lucah semata-mata untuk memuaskan nafsu pelaku.

## **3. Tindakan-tindakan yang boleh dilakukan oleh pelajar terhadap gangguan seksual.**

Terdapat dua langkah yang boleh dilakukan oleh pelajar yang menjadi mangsa gangguan seksual. Namun begitu, pelajar hendaklah memastikan sebarang tindakan yang diambil haruslah betul dan mengikut protokol. Pelajar juga disarankan untuk memberi kerjasama dengan tidak berdiam diri supaya pelaku mendapat hukuman yang setimpal dengan perbuatan mereka. Hal ini juga dapat menghalang pelaku daripada melakukan gangguan seksual secara berterusan. Antara dua tindakan yang boleh dilakukan adalah:

### **3.1 Menyimpan atau membuat catatan berkaitan insiden gangguan seksual**

Perkara yang paling utama yang dilakukan oleh pelajar merupakan menyimpan atau membuat catatan berkaitan insiden gangguan seksual. Tindakan merekodkan insiden gangguan seksual ini tidak kira sama ada pelajar ingin mengambil tindakan segera atau tidak. Rekod insiden merangkumi Tarikh, tempat, masa dan keadaan kejadian berlaku supaya dapat dijadikan sebagai bukti apabila diperlukan. Oleh itu, pelajar hendaklah peka dengan persekitaran apabila mengalami gangguan seksual supaya segala aktiviti pengumpulan bukti akan berjalan dengan lancar. Kesannya, bukti yang dikumpul menjadi jelas dan terperinci. Bukan itu sahaja, bukti yang jelas dan terperinci akan memudahkan proses aduan dengan sebarang pihak yang bertanggungjawab dan akan menyukarkan pelaku untuk melepaskan diri daripada direman.

Selain itu, pelajar perlu mencari nama-nama orang yang menyaksikan peristiwa itu. Hal ini bertujuan untuk mencari saksi-saksi yang boleh memberi kerjasama untuk menjalankan sesi soal jawab. Bukan itu sahaja, pelajar juga perlu merekodkan perasaan semasa dan selepas peristiwa itu dan interaksi pelajar mengenai peristiwa tersebut dengan rakan-rakan sebaik sahaja ia berlaku juga boleh dijadikan sebagai bukti. Jika gangguan melibatkan serangan seksual atau gangguan secara fizikal, pelajar hendaklah segera mendapatkan rawatan perubatan dan berterus terang kepada pegawai perubatan. Hal ini kerana semua rekod kesihatan yang dijalankan termasuk ujian DNA boleh dijadikan sebagai bukti kukuh dalam kes gangguan seksual. Kesannya, pelaku tidak dapat menafikan perbuatannya dan memanipulasi pemikiran orang ramai disebabkan bukti yang sangat kukuh sehingga mendapat kepercayaan dari orang ramai.

### **3.2 Mengemukakan aduan**

Selepas pelajar berjaya mengumpul segala bukti, pelajar hendaklah mengemukakan aduan kepada mana-mana pihak yang professional seperti unit integriti, kaunselor dan cikgu. Hal ini demikian kerana pelajar mungkin tidak tahu cara atau protokol yang betul dalam membuat aduan. Bukan itu sahaja, pelajar juga mungkin takut untuk membuat aduan secara keseorangan. Justeru, dengan adanya bimbingan dari pihak yang professional, segala proses mengemukakan aduan dengan pihak polis akan berjalan dengan lebih lancar dan sistematik. Namun begitu, pelajar juga boleh memberitahu ibu bapa

mengenai gangguan seksual supaya ibu bapa dapat membawa pelajar untuk membuat aduan dengan pihak polis atau berurusan dengan pelaku gangguan seksual.

#### **4. Kesan-kesan negatif gangguan seksual yang bakal menimpa pelajar**

Seseorang yang mengalami gangguan seksual sering mendapati dirinya terdedah dan tidak dapat bertindak balas kerana terlalu takut untuk melawan dan merasa tidak berdaya sehingga menderita dalam diam dan akhirnya menyerah pada kehidupan. Terdapat dua kesan utama gangguan seksual yang bakal menimpa pelajar iaitu:

##### **4.1 Tekanan Emosi dan Psikologi**

Gangguan seksual yang dialami oleh pelajar boleh menyebabkan mereka menghadapi tekanan emosi dan psikologi. Sebagai contoh, pelajar rasa tidak selamat, terhina, moral yang rendah, keadaan masa depan yang tidak menentu, takut, bimbang dan tekanan jiwa (Gutek, 1993). Jika situasi ini dibiarkan berterusan ia akan memberikan musibah dan impak yang buruk kepada perkembangan dan kesejahteraan hidup pelajar. Di samping itu, pelajar yang menghadapi gangguan seksual juga dikatakan akan mudah mengalami stress, kegelisahan, kemurungan, panas baran, mudah menangis, hilang maruah, cepat meradang dan rasa hilang hormat kepada diri sendiri [8]. Perasaan aib dan malu juga akan menghantui pelajar. Kesannya, pelajar akan mempunyai masalah untuk berhadapan dengan orang ramai kerana takut dirinya akan mengalami gangguan seksual lagi dan malu akan dirinya yang merupakan mangsa gangguan seksual. Selain daripada tekanan emosi dan psikologi yang akan dihadapi, pelajar juga akan mengelakkan diri daripada hadir ke kuliah atau sekolah dan akhirnya akan memberikan impak yang besar kepada pendidikan individu [2].

##### **4.2 Kesihatan Fizikal Terjejas**

Pelajar yang mengalami kemurungan disebabkan gangguan seksual lebih berpotensi untuk hilang selera makan sehingga menyebabkan mereka sakit perut, gastrik dan turun berat badan. Selain itu, pelajar juga akan mengalami tidur yang tidak menentu. Hal ini kerana mereka terlalu memikirkan gangguan seksual yang dialami secara berterusan [12]. Selain itu, pelajar juga akan mengalami sakit kepala, ketegangan bahu, tengkuk dan sendi [14]. Impaknya, pelajar tidak dapat menjalankan tanggungjawab mereka sebagai seorang pelajar kerana selalu mempunyai masalah kesihatan yang menyebabkan mereka tidak dapat melakukan aktiviti yang memerlukan tenaga yang banyak. Sebagai contoh, mereka akan ketinggalan dari segi akademik dan kurikulum kerana mereka tidak dapat pergi ke sekolah dan sebarang perjumpaan kurikulum. Selain itu, hasil kajian yang dijalankan oleh Messman-Moore (1997), mendapati individu yang terlibat dengan isu gangguan seksual ini akan menghadapi masalah gangguan makan seperti hilang selera makan sehingga mengakibatkan individu tersebut menderita dan menghadapi penyakit anoreksia nervosa atau bulimia nervosa [7].

Selain daripada isu kesihatan fizikal yang terjejas kesan paling besar yang mungkin akan dialami oleh pelajar adalah terlibat dengan risiko penyalahgunaan dadah dan alkohol [7]. Ini kerana individu terlibat akan cuba mengubah atau menangani masalah gangguan seksual yang mereka hadapi kepada pengambilan dadah dan alkohol bagi tujuan untuk meredakan kesakitan yang dihadapi kesan gangguan seksual yang mereka hadapi.

## 2. Kesimpulan

Kesimpulannya, kesedaran mengenai gangguan seksual dalam kalangan pelajar sangat penting untuk membantu pelajar apabila pelajar berhadapan dengan gangguan seksual yang dilakukan dalam kalangan pendidik, staff atau pelajar sendiri. Kesedaran yang diterapkan dalam kalangan pelajar juga dapat membantu pelajar untuk mempertahankan hak mereka sebagai mangsa gangguan seksual supaya pelajar tidak buntu dan mudah putus asa semasa berhadapan dengan gangguan seksual. Seperti yang kita tahu, banyak undang-undang yang telah digubal dan dikuatkuasakan oleh kerajaan bagi membanteras kes gangguan seksual yang semakin berleluasa ini. Oleh hal yang demikian, pelajar disarankan untuk tidak berdiam diri kerana banyak pihak yang sedia membantu.

Selain itu, kajian ini diharapkan dapat menolong pelajar untuk mengenalpasti bentuk-bentuk gangguan seksual yang bakal mereka hadapi. Hal ini kerana pendedahan bentuk-bentuk gangguan seksual dapat membantu pelajar peka dengan persekitaran atau keadaan. Di samping itu, kajian ini juga dapat membantu pelajar yang ingin membuat aduan kepada mana-mana pihak yang bertanggungjawab dengan betul dan mengikut protokol dengan pendedahan tindakan-tindakan yang boleh dilakukan oleh mangsa terhadap pelaku gangguan seksual seperti pengumpulan bahan bukti sebelum melaporkan perbuatan mangsa kepada pihak berkuasa. Akhir sekali, pelajar juga akan sedaya upaya untuk mengelakkan diri dari menjadi mangsa gangguan seksual kerana pelajar takut gangguan seksual membawa kesan negatif kepada diri mereka.

## Penghargaan

Penulis artikel ingin mengucapkan terima kasih dan rasa penghargaan kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas peluang yang bermakna untuk penerbitan artikel ini.

## Rujukan

- [1] Badriyah Salleh (1988). Kajian Jangka Pendek Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang 1986-1988: Kejadian gangguan seksual di dalam kampus USM. Anjuran Persatuan Kakitangan Islam, Universiti Sains Malaysia dan Pusat Islam Universiti Sains Malaysia.
- [2] Fang, X., Brown, D.S., Florance, C.S., & Mercy, J.A. (2019). The economic burden of child maltreatment In the United State and Impication for prevention. *Child abuse & neglect*, 94.
- [3] Funk, C. (2016, February 12). Bookboon.com. Retrieved from <https://bookboon.com/blog/2016/02/harassment-and-its-effects/> on 17/12/20
- [4] Gutek, B. A., & Koss, M. P. (1993). Changed women and changed organizations: Consequences of and coping with sexual harassment. *Journal of Vocational Behavior*, 42(1), 28–48. <https://doi.org/10.1006/jvbe.1993.1003>.
- [5] Hersch, J. Sexual harassment in the workplace. IZA World of Labor 2015: 188 doi: 10.15185/izawol.188. [online]. Available: <https://wol.iza.org/articles/sexual-harassment-in-workplace/long>. [Accessed November 29.2022].
- [6] H. Noriza, Gangguan Seksual. Ketua Unit Integriti dan Pematuhan, Universiti Malaysia Pahang (UMP), 10 December 2020. [online]. Available: <http://umpir.ump.edu.my/id/eprint/30544/1/Gangguan%20Seksual.pdf>. [Accesesed November 29, 2022]

- [7] Messman-Moore, T.L., Walsh, K.L., DiLillo, D. (2017). Emotion dysregulation and risky sexual behavior in revictimization. *Trauma, Violence & Abuse*, 18(3), 329-345.
- [8] Mc Kinney, K. & Maroules, N. (1991). "Sexual Harassment, dalam E. Grauerholz & M. A. Koralewski (eds.) *Sexual Coercion: A Sourcebook on Its Nature, Cause and Prevention.*" Canada: Lexington Books. [E-book] Available: Main Library Stack (HV6558. S494 1991)
- [9] Md Pauzi. S. F & Rahman. S, Gangguan Seksual dan Kanak-kanak: Satu Tijaun Undang-Undang. GADING (Online) Journal for Social Sciences, Special Issue KONAKA (Bahasa Melayu) - Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang Vol 24(03), October 2021. Available: <https://ir.uitm.edu.my/56994/1/56994.pdf>. [Accessed November 29,2022].
- [10] Mohamed, A. A. A., Baig, F. B. S., Trakic, A., Mallow, M. S., & Surajudeen, A. T. (2014, September 8). *Sexual harassment in Malaysian educational institutions: Causes and ... SEXUAL HARASSMENT IN MALAYSIAN EDUCATIONAL INSTITUTIONS: CAUSES AND SOLUTIONS*, Proceedings of SOCIOINT14- International Conference on Social Sciences and Humanities, 8-10 September 2014- Istanbul, Turkey. [online]. Available: [https://www.ocerints.org/Socioint14\\_e-publication/papers/252.pdf](https://www.ocerints.org/Socioint14_e-publication/papers/252.pdf). [Accessed November 29, 2022]
- [11] Monalisha Farhani Mokhsar & Azizan Morshidi. (2017). Kes gangguan seksual. Doi: 10.13140/RG.2.2.17757.20962
- [12] Renzetti, C. M. & Curan, D. J. (1999). "Women, Men and Society (4th Ed.)". Boston: Allyn & Bacon.
- [13] Sabitha Marican. (2003). Persepsi Gangguan Seksual di Institusi Pendidikan: Kejadian dan Strategi Penyelesaian. National Seminar of Teacher Research and Education Teaching Development towards Quality Education. Kucing Sarawak. [Online]. Available: <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/seminarpapers/2003/sabithaUUMkk.pdf>. [Accessed December 15,2022].
- [14] Takaki, J., Taniguchi, T., & Hirokawa, K. (2013). Associations of workplace bullying and harassment with pain. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 10(10), 4560–4570. <https://doi.org/10.3390/ijerph10104560>
- [15] Universiti Kebangsaan Malaysia. (1 Ogos 2021). Dasar Universiti Kebangsaan Malaysia Terhadap Gangguan Seksual Dan Kod Amalan Pengendalian Aduan Dan Pencegahan Gangguan Seksual Universiti Kebangsaan Malaysia (Pindaan 2021). <https://www.ukm.my/integriti/wp-content/uploads/2021/08/dasar-dan-kod-amalan-gangguan-seksual-pindaan-2021.pdf>.
- [16] Universiti Sains Malaysia. Dasar Universiti tentang Gangguan Seksual. [https://kanita.usm.my/images/sexual\\_harrasment/Dasar\\_Gangguan\\_Seksual\\_USM.pdf](https://kanita.usm.my/images/sexual_harrasment/Dasar_Gangguan_Seksual_USM.pdf).
- [17] Zakaria. S.M, Abdul Kadir N. B, Mat Lazim, N. H. (2019). Gangguan Seksual: Tragedi yang Tidak Didedahkan dan Kesan kepada Mangsa. *Journal of Management & Muamalah*, Vol. 9, No. 1, 2019 eISSN 2180-1681. [online]. Available: <https://jmm.kuis.edu.my/index.php/jurnal/article/download/19/13/69>. [Accessed November 29,2022]
- [18] Malaysia, U. (2010). Penderaan Kanak-Kanak: Penderaan Emosi. Unicef Malaysia, no, 1-4.